

BB564 B A H

BERIKUTIALAH KENYATAAN PENUH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG DIKELUARKAN HARI INI MENGENAI TAWARAN AMBILALIH MULTI-PURPOSE HOLDINGS BERHAD OLEH HUME INDUSTRIES:

KENYATAAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD

MEMANDANGKAN MINAT YANG DICETUSKAN OLEH TAWARAN AMBIL ALIH MULTI-PURPOSE HOLDINGS BERHAD (MPHB) OLEH HUME INDUSTRIES MALAYSIA SDN BHD (HUME), ADALAH PERLU BAGI KERAJAAN MENJELASKAN PERKARA INI. SESETENGAH PIHAK TELAH MENUDUH BAHAWA TAWARAN TERSEBUT MEMPUYAI MOTIF POLITIK.

KERAJAAN BERPENYOAPAT BAHAWA TAWARAN AMBILALIH MPH B OLEH HUME ADALAH SEMATA-MATA SATU TINDAKAN KOMERSIAL. SELAGI SESUATU TAWARAN ITU MEMENUHI KEPENTINGAN PARA PEMEGANG SAHAM SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERLIBAT DAN DIBUAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN NEGARA INI, KERAJAAN TIDAK AKAN MENYEKAT TAWARAN SEDEMIKIAN DARIPADA DIBUAT. TAWARAN TERSEBUT TIDAK MELANGGAR ETIKA PENGAMBILAN ALIH DAN PENGGABUNGAN. TAWARAN AMBIL ALIH MERUPAKAN PERKARA BIASA.

TAWARAN AMBILALIH BAGI SAHAM-SAHAM MPH B OLEH HUME AKAN MENGAKIBATKAN PERUBAHAN DALAM STRUKTUR PEGANGAN SAHAM DALAM MALAYSIAN FRENCH BANK BHD. DAN MAGNUM FINANCE BHD. YANG MASING-MASING MERUPAKAN ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU MPH B. PERANAN BANK NEGARA MALAYSIA ADALAH UNTUK MENENTUKAN BAHAWA KELULUSAN AWAL TELAH DIPEROLEHI SEPERTIMANA DIKEHENDAKI DI BAWAH SEKSYEN 23A AKTA BANK DAN SEKSYEN 28A AKTA SYARIKAT KEWANGAN. HUME TELAH PUN MEMOHON KELULUSAN YANG DIPERLUKAN SEBELUM MEMBUAT TAWARAN AM TERSEBUT SEPERTIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG, DAN KELULUSAN TERSEBUT TELAH DIBERIKAN. KELULUSAN SEPERTI INI AKAN JUGA DIBERIKAN KEPADA MANA-MANA SYARIKAT YANG BAKAL HEMBUAT TAWARAN DAN MEMPUYAI KREDIBILITI UNTUK MELAKUKANNYA. -- LAGI

1634MST18 0 4 8 9

C. 4 b

B B586 B A H

KENYATAAN 2 ~~BARIS~~ (ULANGAN MENGGUGURKAN PERKATAAN +RINGAN+ PADA BARIS TIGA HARAP BACA: MELULUSKAN PINJAMAN BERJUMLAH)

MENGENAI KOPERASI SERBAGUNA MALAYSIA BHD. (KSM), BANK NEGARA MEMPUYAI KEPENTINGAN DALAM TAWARAN AMBIL ALIH TERSEBUT. BANK NEGARA SEHINGGA INI TELAH MELULUSKAN PINJAMAN BERJUMLAH \$400 JUTA KEPADA KSM DARIPADA SEJUMLAH \$1 RIBU JUTA YANG DILULUSKAN KEPADA SEMUA KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT (KPD). BANK NEGARA JUGA TELAH MEMBELANJAKAN \$24.4 JUTA UNTUK PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN. KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENYELAMATAKAN KPD-KPD INI WALAUPUN IA SEDAR BAHAWA MASALAH YANG TIMBUL ADALAH DISEBABKAN SALAH PENGURUSAN OLEH BEBERAPA BEKAS PEMIMPIN MCA.

BERKENAAN KOPERASI SERBAGUNA MALAYSIA BHD. (KSM), PENANGGUNG TELAH DILANTIK OLEH HAKKAMAH UNTUK MENGURUSKAN SEGALA PERKARA MENGENAINYA. PENANGGUNG MEMEGANG 28.9 PERATUS SAHAM-SAHAM MPH B DAN 20.9 PERATUS LAGI SAHAM-SAHAM MPH B DI BAWAH AMANAH DAN TERPULANGLAH KEPADA MEREKA MEMUTUSKAN SAMA ADA UNTUK MENERIMA TAWARAN AM TERSEBUT ATAU TIDAK, DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN PENYIMPAN-PENYIMPAN KSM. PERTIMBANGAN MEREKA BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KEPUTUSAN DAN ANALISA YANG DIBUAT SECARA PROFESIONAL. BANK NEGARA TIDAK MEMAINKAN SEBARANG PERANAN MEMPENGARUHI KEPUTUSAN PIHAK PENANGGUNG.

SAYA BERASA AMAT KESAL BAHAWA ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG CUBA MENJADIKAN TAWARAN HUME UNTUK MENGAMBILALIH MPH B SEBAGAI ISU PERKAUMAN MELAYU-CINA. PADA MASA-MASA YANG LEPAS, SAYA TIDAK MEMPERDULIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN DARI PASARAN SAHAM. BAGAIMANAPUN, KHABAR-KHABAR ANGIN MENGENAI HUME DAN MPH B MEMPUYAI IMPLIKASI SERIUS BAGI KEHARMONIAN KAUM DI MALAYSIA.-- LAGI

1735MST18 0 4 8 9

0827

B B576 B A H
KENYATAAN 3 R' R' R'

ADALAH TIDAK HUNASABAH UNTUK MENGATAKAN BAHAWA UMNO ATAU MENTERI KEUANGAN ATAU KERAJAAN DI SEBALIK TAWARAN HUME UNTUK MENGAMBIL ALIH MPH. B. SEPERTI **MANA YANG DIKETAHUI**, UMNO TIDAK LAGI MEMPUNYAI TABUNG KEWANGAN DAN **ASET** BERIKUTAN KEPUTUSAN MAHKAMAH BAHAWA UMNO IALAH SEBUAH PERTUBUHAN **HARAM**. **KESEMUA ASET** UMNO SEKARANG BERADA DI DALAM **TANGAN PEGAWAI** PEMEGANG **HARTA**. UMNO YANG TELAH DIDAFTARKAN SEMULA TIDAK BERHAK KEPADA **ASET-ASET INI**, DAN TIDAK MAMPU UNTUK MEMBELI SAHAM YANG SEBEGITU BESAR YANG DIKATAKAN BERHARGA LEBIH DARIPADA \$1 RIBU JUTA ATAU **MENYOKONG** SESIAPA UNTUK BERBUAT **DEMIKIAN**.

MINAT MENTERI KEUANGAN DAN KERAJAAN IALAH **SEMATA-MATA** UNTUK MENENTUKAN WANG ORANG **RAMAI** DIURUSKAN DENGAN BAIK **DEMI** KEPENTINGAN NEGARA KESELURUHANNYA. IDEA **MEMBELANJAKAN** \$400 JUTA UNTUK MENYELAMATKAN SEBUAH SYARIKAT YANG TELAH DISALAHURUSKAN OLEH BEBERAPA ORANG HANYA BOLEH DILAKUKAN JIKA TIDAK ADA JALAN LAIN MENGEMBALIKAN KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM WANG YANG MEREKA HILANG MELALUI KESALAHAN PENGURUSAN. **TETAPI**, OLEH KERANA **PENGAMBILAN ALIH** OLEH SEBUAH SYARIKAT BUKAN KERAJAAN BOLEH MENCAPAI MATLAMAT YANG **SAMA**, KERAJAAN MEHTI MENGALU-ALUKAN LANGKAH **TERSEBUT** SELAGI IANYA DILAKUKAN **MENURUT** UNDANG-UNDANG DAN DENGAN BETUL. KERAJAAN TIDAK BOLEH CAMPURTANGAN DAN MENGHALANG SESUATU URUSAN KOMERSIAL TERUTAMA APABILA URUSAN **TERSEBUT** BOLEH **MENJIMATKAN** WANG ORANG RAMAI. -- LAGI
1654MST 18 04 89

D828

B B577 BAH
KENYATAAN 4 R' R' R'

BAGI PIHAK KERAJAAN, SESIAPA SAHAJA YANG HEMPUNYAI HAK MENGIKUT UNDANG-UNDANG UNTUK MENGAMBIL ALIH SYARIKAT BOLEH BERBUAT **DEMIKIAN**. KERAJAAN AKAN GEMBIRA SEKIRANYA ADA LAIN-LAIN PIHAK YANG BERSEDIA UNTUK MEMBUAT TAWARAN YANG LEBIH BAIK DAN TAWARAN ITU PULA ADALAH **BAGI** KEPENTINGAN **PARA** PEMEGANG SAHAM. **DEMI** HENJAGA KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG **SAHAM**, KERAJAAN **YAKIN** BAHAWA PIHAK PENANGGUNG TIDAK AKAN MENJUAL SAHAM-SAHAM YANG DIPEGANG MEREKA **PADA** HARGA YANG **DIANGGAP** TIDAK BERPATUTAN. KEPENTINGAN **PARTI** TIDAK BOLEH MELAMPAUI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN KEPADA ORANG RAMAI DAN NEGARA.+

-- BERNAMA

1655MST 18 04 89